

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 NOVEMBER 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Syarikat status BioNexus labur RM4.4 bilion	Berita Harian
2	Syarikat berstatus BioNexus terus berkembang melalui pelaburan RM4.4 bilion	Bernamea.com
3	Waspada ancaman siber	Harian Metro
4	Gempa bumi kuat di laut Maluku Utara tidak beri kesan kepada negara	Bernamea.com
5	Gempa bumi sederhana landa Papua New Guinea	Bernamea.com
6	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga ahad di pantai timur	Bernamea.com
7	Gempa kuat berlaku di laut Maluku utara	Bernamea.com
8	KKMM akan pastikan semua menara komunikasi berfungsi ketika banjir – Ahmad Shabery	Bernamea.com
9	Teknologi pintar kunci penyelesaian pelbagai isu	Berita Harian

Syarikat status BioNexus labur RM4.4 bilion

Syarikat berstatus BioNexus terus muncul sebagai antara penyumbang utama kepada ekonomi menerusi pelaburan berjumlah RM4.4 bilion sejak penubuhan inisiatif bioekonomi Malaysia pada tahun 2007.

Menurut **Biotechnology Corporation (BiotechCorp)**, setakat ini, 240 syarikat bioteknologi tempatan dan luar negara diberikan status BioNexus, mewujudkan pasaran khusus untuk produk yang boleh dikomersialkan.

Pada tahun 2010, bioekonomi menyumbang sehingga 13.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau bersamaan dengan nilai RM106.7 bilion, demikian menurut kenyataan daripada BiotchCorp, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memacu bioteknologi Malaysia.

Berdasarkan unjuran kadar pertumbuhan 15 peratus, KDNK bioekonomi dijangka meningkat kepada RM149.1 bilion menjelang tahun 2020 dan RM181.2 bilion pada 2030.

Mendapat rangsangan daripada penerokaan dalam bioekonomi, Program Transformasi Bioekonomi dan syarikat berstatus BioNexus akan menjadi tumpuan perbincangan pada Pameran dan Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi Asia Pasifik 2014 di Universiti Malaya pada 19 hingga 20 November ini.

Bertemakan 'Perkongsian Inovasi, Pelaburan & Pertumbuhan untuk Industri berasaskan Bio', acara itu dijangka dapat menggalakkan perkongsian untuk memacu inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan sasaran meletakkan Malaysia sebagai kuasa bioekonomi pada masa depan. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta BiotechCorp adalah penganjur bersama acara tahunan itu yang akan menampilkan persembahan, pelancaran produk baharu, demonstrasi produk dan sesi perkongsian perniagaan.

BERNAMA



Syarikat Berstatus Bionexus Terus Berkembang Melalui Pelaburan RM4.4 Bilion

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Syarikat berstatus BioNexus terus muncul sebagai antara penyumbang utama kepada ekonomi melalui pelaburan berjumlah RM4.4 bilion sejak penubuhan inisiatif bioekonomi Malaysia pada 2007, kata [Biotechnology Corporation \(BiotechCorp\)](#).

Setakat ini, 240 syarikat bioteknologi tempatan dan luar negara telah diberi status BioNexus, mewujudkan pasaran khusus untuk produk-produk yang boleh dikomersialkan.

Pada 2010, bioekonomi menyumbangkan sehingga 13.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau bersamaan dengan nilai RM106.7 bilion, demikian menurut kenyataan daripada BiotchCorp, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memacu bioteknologi Malaysia ke hadapan.

Berdasarkan unjuran kadar pertumbuhan 15 peratus, KDNK bioekonomi dijangka meningkat kepada RM149.1 bilion menjelang 2020 dan RM181.2 bilion pada 2030.

Mendapat rangsangan daripada penerokaan dalam bioekonomi, Program Transformasi Bioekonomi dan syarikat berstatus Bionexus akan menjadi tumpuan perbincangan di Pameran dan Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi Asia Pasifik 2014 di Universiti Malaya pada 19 hingga 20 Nov ini.

Bertemakan "Perkongsian Inovasi, Pelaburan & Pertumbuhan untuk Industri berasaskan Bio", acara itu dijangka dapat mengalakkan perkongsian untuk memacu inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan sasaran meletakkan Malaysia sebagai kuasa bioekonomi pada masa hadapan.

[Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta BiotechCorp](#) merupakan penganjur bersama acara tahunan itu yang akan menampilkan persembahan, pelancaran produk baru, demonstrasi produk dan sesi perkongsian perniagaan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 40
TARIKH: 15 NOVEMBER 2014 (SABTU)

**Waspada
ancaman siber**

Ipoh: Keselamatan siber kini dilihat semakin diancam dengan kecanggihan serta perkembangan penggunaan peralatan komunikasi yang mempunyai capaian terus kepada Internet sekali gus memudahkan penggoda melancarkan serangan untuk mencuri maklumat.

Ketua Pegawai Eksekutif Keselamatan Siber Malaysia (CSM) Dr Amiruddin Abdul Wahab berkata, penjenayah siber sering meningkatkan usaha mereka untuk melakukan pelbagai cara terutama dalam mendapatkan maklumat peribadi serta data bank.

"Serangan siber adalah realiti hari ini dan kumpulan penggoda ini semakin canggih dan kompleks.

"Menjadi keutamaan setiap syarikat di Malaysia sentiasa bersedia dan berwaspada dalam menentang ancaman keselamatan siber dengan meningkatkan kecekapan dan kapasiti pertahanan siber mereka," katanya.



Gempa Bumi Kuat Di Laut Maluku Utara Tidak Beri Kesan Kepada Negara

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Rakyat tidak perlu bimbang dengan kejadian gempa bumi kuat yang dilaporkan berlaku di Laut Maluku Utara pagi tadi, kata [Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail](#).

Beliau berkata pergerakan gempa yang dilaporkan jabatan itu berada jauh dari negara ini.

"Rakyat tidak perlu bimbang dengan kejadian itu kerana ia tidak memberi sebarang kesan kepada Malaysia," katanya kepada Bernama.

Gempa bumi berukuran 7.2 pada skala Richter dilapor berlaku di Laut Maluku Utara pada pukul 10.31 pagi tadi.

Pusat gempunya ialah 160 kilometer ke barat laut Ternate, Indonesia dan 938 kilometer dari tenggara Semporna, Sabah.

Che Gayah berkata pihaknya sentiasa memantau sebarang kejadian gempa bumi dan tsunami dan akan memaklumkan kepada orang awam dari semasa ke semasa.

Agensi berita AFP memetik jurucakap Pusat Amaran Tsunami Pasifik sebagai berkata gempa berkenaan berpotensi menyebabkan tsunami di sepanjang pantai kepulauan berkenaan.

Pusat itu juga berkata gelombang tsunami boleh turut melanda sebahagian Indonesia, Filipina, Jepun, Taiwan dan kepulauan Pasifik Selatan.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 15 NOVEMBER 2014 (SABTU)



Gempa Bumi Sederhana Landa Papua New Guinea

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.0 pada skala Richter melanda Pantai Utara New Guinea, Papua New Guinea pada 3.52 petang ini, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Gempa itu berpusat di 99km barat daya Wiwak, Papua New Guinea dan 2,857km tenggara Semporna, Sabah.

Ia tidak membawa ancaman tsunami, menurut kenyataan jabatan itu.

-- BERNAMA



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Ahad Di Pantai Timur

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora yang kini melanda perairan Kelantan dan Terengganu dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini berkata keadaan sama turut melanda perairan Samui, Condore, Reef North dan Layang-layang.

Menurut kenyataan itu, keadaan angin dengan kelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak sehingga 3.5m itu berbahaya kepada semua bot kecil, rekreasi laut dan aktiviti sukan laut.

Ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Melaka, Johor Barat, Terengganu, Selat Melaka Selatan dan Samui dijangka berterusan sehingga lewat Jumaat malam.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dan ombak mencapai ketinggian 3.5m amat berbahaya kepada bot-bot kecil.

--BERNAMA



Gempa Kuat Berlaku Di Laut Maluku Utara

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Gempa bumi berukuran 7.2 pada skala Richter berlaku di Laut Maluku Utara pada pukul 10.31 pagi Sabtu.

Jabatan Meteorologi Malaysia berkata pusat gempa ialah 160 kilometer ke barat laut Ternate, Indonesia dan 98 kilomter dari tenggara Semporna, Sabah.

Gempa tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA



KKMM Akan Pastikan Semua Menara Komunikasi Berfungsi Ketika Banjir - Ahmad Shabery



Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek

KEMAMAN, 15 Nov (Bernama) -- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) akan memastikan semua menara komunikasi berfungsi sepenuhnya walaupun di kawasan yang ditenggelami air ketika musim banjir, kata menterianya Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata beberapa buah menara komunikasi yang ditenggelami air ketika banjir tahun lalu khasnya di kawasan Kemaman telahpun dinaik taraf dengan beberapa kerja pengubahsuaian pada stesen janakuasa menara agar berada pada kedudukan lebih tinggi dan tidak tenggelam jika banjir.

"Beberapa tapak stesen janakuasa menara komunikasi telah kita alihkan ke kedudukan lebih tinggi dan kita yakin menara yang berada di kawasan banjir akan terus beroperasi walaupun telah terputus bekalan elektrik," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Pingat Jasa Malaysia di Awana Kijal di sini Sabtu.

Ahmad Shabery yang juga Anggota Parlimen Kemaman berkata berdasarkan kepada pengalaman banjir tahun lalu, KKMM yakin kali ini masalah terputus liputan komunikasi tidak akan berlaku sekiranya banjir melanda Pantai Timur khasnya di kawasan rendah seperti Kemaman.

Menurutnya Majlis Daerah Kemaman telahpun mengadakan beberapa mesyuarat berhubung persiapan agensi-agensi berkaitan dalam menghadapi musim tengkujuh kali ini.

Sementara itu, Ahmad Shabery berkata pihaknya juga akan bekerjasama dengan beberapa persatuan radio amatur di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk membantu dari segi perkongsian maklumat di kawasan-kawasan terjejas banjir.

Katanya ada sesetengah kawasan yang tidak mendapat liputan siaran komunikasi biasa, namun boleh dihubungi menggunakan radio amatur.

"Pihak KKMM dengan kerjasama [Jabatan Meteorologi](#) juga akan menggunakan beberapa kod warna untuk menerangkan keadaan taburan hujan pada satu-satu masa dan ia telahpun disebarkan melalui media internet," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Kemaman Datuk Mustafar Khalid berkata ketika ini semua 24 pangkalan hadapan dan 75 pusat pemindahan banjir telahpun dibekalkan dengan barang keperluan seperti makanan dan pakaian sebagai persiapan menghadapi banjir.

"Semua pusat pemindahan banjir kita sediakan dengan makanan sejak 10 Nov lepas dan bekalan itu cukup untuk menampung kira-kira 50 ke 200 keluarga untuk tempoh seminggu," katanya.

-- BERNAMA



Gempa Kuat Berlaku Di Laut Maluku Utara

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Gempa bumi berukuran 7.2 pada skala Richter berlaku di Laut Maluku Utara pada pukul 10.31 pagi Sabtu.

[Jabatan Meteorologi Malaysia](#) berkata pusat gempa ialah 160 kilometer ke barat laut Ternate, Indonesia dan 938 kilometer dari tenggara Semporna, Sabah.

Gempa tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

Teknologi pintar kunci penyelesaian pelbagai isu

Penjanaan idea baharu
tingkat keselesaan hidup



SERI INTAN
OTHMAN

intan@bh.com.my

Menjelang tahun 2030 dijangka sejumlah 15 peratus rakyat Malaysia akan mencecah usia 60 tahun manakala 20.4 peratus usia yang sama pada 2050, menjadikan negara memiliki rakyat warga tua yang tinggi. Sehubungan itu, pelan rancangan negara perlu ada dalam menangani masalah warga emas ini khususnya dalam menyediakan perumahan pintar yang serba lengkap dengan teknologi terkini untuk kemudahan dan kesejahteraan kehidupan harian mereka.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Awam Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Izian Abdul Karim, masa depan sektor perumahan negara mantap jika keperluan rakyat memiliki rumah mampu milik boleh dilaksanakan.

Semua orang perlu memiliki rumah sendiri tetapi adakah mereka mampu membeli rumah jika ia terlalu mahal, kerana itu tindakan perlu ada dalam membina rumah yang boleh dibeli dengan kadar harga berpatutan.

Lokasi perumahan strategik

"Pembinaan rumah juga perlu dibuat di kawasan sesuai dengan suasana dan alam sekitar yang nyaman, pelbagai kaum boleh mendiaminya dengan harmoni di samping keselamatan persekitaran yang terjaga," katanya pada forum Agenda Sains Mega, Malaysia 2050 anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM).

Beliau mencadangkan sektor perumahan perlu menggunakan teknologi terkini dari segi kelengkapan dalam rumah termasuk reka bentuk, sistem telekomunikasi serta bahan binaan bermutu tinggi. Setiap rumah juga perlu pintar, sihat dan selamat dengan kehijauan alam sekitar dan bagi mencapai hasrat ini perlu ada perubahan dari segi polisi pembinaan, kepentingan masyarakat dan juga kajian dan pembangunan (R&D).

Rumah juga perlu lebih banyak dibina untuk pekerja swasta dengan gaya dan reka bentuk yang mampu bertahan lama. Untuk itu perlu ada perancangan sesuai, polisi dan garis panduan khusus dari segi lokasi pembinaan, kepentingan masyarakat dan juga kajian dan pembangunan (R&D).



“Ada banyak isu yang perlu ditangani bagi sektor ini kerana ia merangkumi kemudahan asas jalan raya, pelabuhan dan lapangan terbang yang memerlukan keselamatan yang sentiasa dipantau rapi”

Mohd Nawi Dul,
Ahli panel forum Agenda
Sains Mega, Malaysia 2050

“Pembuangan sampah juga perlu diperbaiki dengan mengubah sikap rakyat yang lebih peka dan mengurangkan sampah di samping menanam lebih banyak pokok untuk menghijaukan kawasan”

Prof Dr Kamaruzzaman
Sopian,
Pengarah Institut Kajian
Tenaga Solar, Universiti
Kebangsaan Malaysia

Bagi bidang infrastruktur, matlamat perlu ada bagi memastikan ia lebih mantap, cemerlang dan berkesan sesuai dengan keperluan penduduk dan dalam masa sama pembinaannya tidak mengganggu alam semula jadi.

Tangani pelbagai isu

Menurut seorang lagi ahli panel forum itu, Mohd Nawi Dul, berkata ada banyak isu yang perlu ditangani bagi sektor ini kerana ia merangkumi kemudahan asas jalan raya, pelabuhan dan lapangan terbang yang memerlukan keselamatan yang sentiasa dipantau rapi.

Bagi tempoh lima tahun lalu RM470 juta dibelanjakan kerajaan bagi membaiki pulih jalan raya di seluruh negara menyebabkan ia menjadi cabaran besar bagi menanggung kos yang amat tinggi itu. Kerana itu, pelan induk perlu ada bagi menghasilkan kemudahan asas lebih baik dan tahan lama dengan penggunaan bahan binaan yang baik.

Infrastruktur juga perlu memastikan keselamatan pengguna dengan alam sekitar yang tidak dicemar, menggunakan lebih banyak teknologi hijau dan kemudahan ini menjadi pemangkin pembangunan negara. Bagi bidang pengangkutan, mengikut data tahun lalu, 1.2 juta rakyat Malaysia memiliki kereta sendiri dan ia dijangka meningkat 5.4 juta pada tahun 2035, kerana itu apakah persediaan untuk menanam jumlah kenderaan terlalu tinggi ini.

Dr Francis S P Ng berkata, adakah Malaysia juga bersedia menggunakan teknologi terkini dalam bi-

dan pengangkutan bagi mendahului negara lain di Asia? Pengangkutan awam negara perlu diberi perhatian khusus kerana ketika ini ia masih belum mencapai tahap memuaskan, hanya dengan cara ini orang ramai kurang menggunakan kenderaan sendiri untuk ke tempat kerja dan masalah kesesakan jalan raya boleh diatasi.

Begitu juga sistem pengangkutan kereta api, Malaysia perlu menggunakan kereta api laju secepat Jepun jika mahu menjadi negara maju. Begitu juga pengangkutan udara dan laut perlu diperbaiki.

Ada banyak sungai di negara kita yang dipinggirkan, sedangkan ia boleh dimajukan menjadi laluan trafik yang boleh menjana ekonomi di sekitarnya.

Teknologi berkembang pesat

Bagi bidang elektrik dan elektronik, pelaburan RM161.8 bilion dibuat di sektor ini yang juga jumlah tertinggi berbanding sektor lain dan menjelang tahun 2020 dijangka RM54.3 bilion jumlah pelaburan dengan 157,000 peluang pekerjaan baharu.

Untuk itu, apakah persiapan Malaysia dalam pembangunan sektor ini yang dijangka akan terus berkembang dengan kehadiran pelabur asing.

Pensyarah Kanan Pusat Kuasa Tenaga Lanjutan Universiti Malaysia (UM) Dr Che Hang Seng, berkata bidang ini akan sentiasa berkembang pesat dengan teknologi terkini pada peringkat global yang turut sampai negara ini.

"Malaysia perlu tahu hala tuju yang mahu dibawa, adakah bersedia

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 15 NOVEMBER 2014 (SABTU)



Antara peserta yang hadir pada Forum Nasional: Agenda Sains Mega, Malaysia 2050 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



“Pembinaan rumah juga perlu dibuat di kawasan sesuai dengan suasana dan alam sekitar yang nyaman, pelbagai kaum boleh mendiaminya dengan harmoni di samping keselamatan persekitaran yang terjamin”

Dr Izian Abdul Karim,
Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Awam Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia

menggunakan teknologi silikon contohnya dan cukupkan tenaga kerja yang diperlukan berikutan perkembangan pesat ini,” katanya.

Pengurusan alam sekitar

Mengenai bidang alam sekitar, Pengarah Institut Kajian Tenaga Solar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Kamaruzzaman Sopian, berkata kerosakan yang berlaku ke atas alam sekitar perlu dipandang serius kerana ia memberi kesan besar kepada manusia.

Beliau mencadangkan supaya penggunaan arang batu dikurangkan kerana impaknya besar kepada pencemaran alam dan kesihatan manusia.

“Pembuangan sampah juga perlu diperbaiki dengan mengubah sikap rakyat yang lebih peka dan mengurangkan sampah di samping menanam lebih banyak pokok untuk menghidupkan kawasan,” katanya.

Di samping itu, undang-undang dan penguatkuasaan perlu lebih cekap dan kerajaan berusaha mengawal pemanasan global supaya Malaysia terus selesa didiami menjelang tahun 2050. Ambil contoh apa yang berlaku di Cameron Highlands ketika ini. Disebabkan terlalu rakus menaruh bukit untuk sektor pertanian, akibatnya nyawa melayang dan alam sekitar rosak. Tindakan tegas perlu dilakukan untuk memulihkannya.

Beliau mencadangkan sungai dibersihkan dan dibangunkan, paip bocor di merata tempat diganti, simpan air hujan untuk kegunaan harian dan tanah diperbaiki untuk pembangunan menggunakan teknologi terkini.



“Malaysia perlu tahu hala tuju yang mahu dibawa, adakah bersedia menggunakan teknologi silikon contohnya dan cukupkan tenaga kerja yang diperlukan berikutan perkembangan pesat ini”

Dr Che Hang Seng,
Pensyarah Kanan Pusat Kuasa Tenaga Lanjutan Universiti Malaya

ASM lahir pelbagai idea, jana pembaharuan

Masa depan Malaysia yang mahu menjadi negara maju menjelang tahun 2020 bergantung kepada kemajuan bidang sains dan teknologi serta inovasinya (STI) yang juga menjadi asas penting kepada kekuatan sesebuah negara.

Bagi menghadapinya, Akademi Sains Malaysia (ASM) mengadakan 'Forum Nasional: Agenda Sains Mega, Malaysia 2050' - Dari Rakyat Malaysia Untuk Malaysia - dengan tumpuan utama kepada sektor perumahan, infrastruktur, pengangkutan, elektrik dan elektronik serta alam sekitar.

Forum sehari itu disertai lima ahli panel yang juga pakar dalam bidang berkenaan bagi membincangkan setiap sektor secara terperinci berdasarkan keperluan negara dan kehidupan yang di mahukan rakyat seluruhnya di samping memastikan alam sekitar terpelihara dengan baik.

Pokok utama forum ini membincangkan 36 tahun akan datang apakah bentuk pembangunan Malaysia sebenarnya, perubahan apakah yang bakal dibawa dengan berlandaskan kemajuan STI oleh pakar sedia ada dan generasi muda Gen Y.

Idea pembaharuan

Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata pembangunan negara perlu mempunyai wawasan bahawa sumbangan STI adalah faktor utama dalam memastikan Malaysia mampu menjadi negara maju sebenarnya. Bersama wawasan itu, misi pembangunan juga perlu mengembangkan sektor sains, kejuruteraan dan teknologi sesuai dengan kehendak rakyat.

“Kami menjalankan kajian terperinci dalam menyediakan buah fikiran dan idea pembaharuan bernas yang dihasilkan oleh pakar dan bijak pandai dalam semua bidang berkaitan sesuai dengan aspirasi negara,” katanya. Strategi utama kajian ASM bagi STI termasuk mengenai kemunculan teknologi baharu, memantapkan lagi bidang sains, sumber kewangan, ekosistem serta kapasiti yang mampu dilaksanakan menjelang tahun 2050.

Lahir saintis berkualiti

“Kita perlu berfikir jauh dalam menghasilkan pelbagai program khususnya dalam melahirkan lebih ramai ahli sains berkualiti yang pakar dalam semua bidang termasuk matematik, fizik dan sains bumi, pembangunan berasaskan STI, perubahan dan

sains kesihatan.

“Begitu juga bidang kejuruteraan dan sains komputer, kimia, biologi, pertanian serta alam sekitar yang amat penting dalam kehidupan manusia dan pembangunan negara seluruhnya,” katanya.

Sebagai pemimpin STI, ASM berusaha menyediakan landasan berdasarkan masa depan yang di mahukan bagi memastikan kualiti hidup lebih tinggi, selesa, ekonomi yang mantap, harmoni dan cemerlang dalam semua sektor. Selain itu, fokus utama juga diberikan kepada pelbagai bidang industri termasuk, penerbangan, angkasa lepas, keselamatan negara, komunikasi, maritim, tenaga, air, kesihatan, pertanian serta biodiversiti.

Pada masa sama, sektor pembangunan industri perabot, automotif, kesenian dan kreatif, pelancongan serta industri plastik dan komposit juga diberi perhatian.

Tingkat potensi bidang sains

Aspirasi ASM ialah Malaysia menjadi negara maju yang cemerlang, aman dan progresif dengan rakyatnya yang berjaya menggunakan STI ke tahap maksimum supaya negara lebih mantap menjelang tahun 2050.

“Kajian dan idea yang dihasilkan ASM berbentuk praktikal, rangka yang mantap serta cemerlang yang mampu dipindahkan dalam perniagaan STI di samping menyediakan hala tuju berpotensi besar untuk negara menerusi peluang pembangunan ekonomi, peluang pekerjaan di bidang inovasi baharu serta pelbagai banyak pilihan,” katanya.

“Pembangunan negara perlu mempunyai wawasan bahawa sumbangan STI adalah faktor utama dalam memastikan Malaysia mampu menjadi negara maju sebenarnya”

Dr Ahmad Tajuddin Ali,
Presiden ASM



Dr Ahmad Tajuddin menyampaikan ucapan utama pada Forum Nasional: Agenda Sains Mega, Malaysia 2050 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.
 (FOTO SAIFULLIZAN TAMADU/BIH)